

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN
AHMAD [KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan berapakah jumlah pelaburan dan aliran kewangan yang
dikendalikan oleh Labuan Offshore dan apakah langkah-langkah Kerajaan
untuk memperkasakan dan menggalakkan pertumbuhan aktiviti kewangan
di pusat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, jumlah keseluruhan syarikat Labuan telah

mencatat pertumbuhan sebanyak 9.1% kepada 10,352 syarikat berbanding 9,487 syarikat pada tahun 2012 yang melibatkan pelabur dari hampir 100 negara, khususnya dari Asia Pasifik.

Jumlah bank yang sedang beroperasi di Labuan adalah sebanyak 59 buah bank yang terdiri daripada 43 bank konvensional, 16 bank pelaburan dan 6 bank Islamik. Jumlah keseluruhan aset bank-bank di Labuan meningkat sebanyak 1.4% kepada USD42.7 bilion pada tahun 2013 di mana USD2.3 bilion daripada jumlah keseluruhan aset ini disumbangkan oleh aset Islamik. Peningkatan jumlah keseluruhan aset bank-bank di Labuan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman dan pendahuluan yang bernilai USD27.7 bilion pada tahun 2013 di mana sektor pengagihan pinjaman, pembiayaan, insurans dan perniagaan merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak USD5.1 bilion yang meliputi 18.4% daripada USD27.7 bilion jumlah pinjaman dan pendahuluan diikuti oleh sektor lain seperti pengangkutan, penyimpanan, komunikasi, pelombongan dan kuari.

Sektor insurans dan takaful turut berkembang dengan bilangan

entiti berkaitan insurans di Labuan yang telah diluluskan meningkat kepada 213 syarikat berbanding 203 syarikat pada tahun 2012. Jumlah premium kasar yang ditulis oleh penanggung insurans umum semula Labuan pada 31 Disember 2013 telah mencatat pertumbuhan sebanyak 6.2% kepada USD1.6 bilion. Jumlah caruman kasar dihasilkan oleh Labuan takaful dan takaful semula (termasuk jendela takaful semula) mencatatkan sejumlah USD136.9 juta dengan perniagaan bukan pemastautin kekal sebagai penyumbang utama pada 87.4%.

Labuan juga mencatatkan pertumbuhan ketara dalam bilangan syarikat pemajakan dalam tahun 2013. Dengan itu, bilangan syarikat dalam industri ini bertambah sebanyak 21.4% kepada 312, manakala jumlah aset pajakan meningkat sebanyak 17.6% kepada USD38.1 bilion berbanding dengan USD32.4 bilion pada tahun 2012. Sektor pemajakan didorong terutamanya oleh urusan perniagaan pemajakan dalam aktiviti perkapalan, penerbangan dan berasaskan minyak dan gas, khususnya di sekitar di Pulau Labuan.

Di antara langkah-langkah utama kerajaan yang telah dijalankan

untuk memperkembangkan pertumbuhan aktiviti kewangan di Labuan adalah seperti berikut:

- a) Menubuhkan Labuan IBFC Inc. Sdn. Bhd., sebuah agensi khas bagi menggalakkan serta memasarkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di Labuan IBFC;
- b) Memperkukuhkan serta mengeluarkan undang-undang baharu bagi memastikan Labuan sentiasa dikawalselia oleh undang-undang asas yang kukuh serta menepati piawaian antarabangsa;
- c) Mempertingkatkan pengeluaran produk-produk baharu seperti struktur Syarikat Sel Terlindung (*Protected cell company*), struktur Yayasan (*Foundation*), serta struktur Perkongsian Liabiliti Terhad (*Limited liability partnership*);
- d) Memeterai pelbagai Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*) bersama-sama agensi-agensi pengawalselia atau pembangunan di peringkat domestik dan antarabangsa;
- e) Menyokong agenda negara dalam menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa dengan

memastikan tawaran produk perbankan Islamik di Labuan setanding dengan produk serta perkhidmatan kewangan Islam yang ditawarkan di Semenanjung Malaysia;

f) Memperkenalkan struktur Syarikat Komoditi Dagangan Antarabangsa Labuan yang menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab minyak dan gas di rantau ini; dan

g) Mewujudkan Panel Penasihat Antarabangsa, Majlis Pengawasan Syariah dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan untuk menasihati Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mengenai perkara-perkara berkaitan strategi perniagaan, kewangan Islam, peraturan dan penyeliaan pasaran kewangan.